

Headline	Sarawak sekat peluang Terengganu		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	13 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	29,826
Page No	11	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	542 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,792
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 8,376



# Sarawak sekat peluang Terengganu

KUALA LUMPUR: Sarawak berjaya menyekat peluang Terengganu untuk menerajui persada Liga Super selepas mengalahkan pasukan Pantai Timur itu 2-1 di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah, Kuala Terengganu, malam Jumaat lalu.

Keputusan tersebut bagaimanapun tidak menjejaskan kedudukan skuad Penyus untuk terus kekal tangga ketiga carta liga Super yang diterajui oleh Pahang.

Sarawak bermula garang apabila berjaya menjaringkan gol seawal minit kedua menerusi jaringan S.Chanturu.

Kesilapan yang dilakukan oleh Junior Eldstal mengundang padah kepada pasukan 'Bujang Senang' apabila pemain tengah itu menjaringkan gol sendiri pada minit ke-38 sebelum Ryan Griffiths mengesahkan kemenangan bagi pasukan pelawat pada minit ke-76.

Di Stadium Tan Sri Hassan Yunus, Larkin, Johor, pasukan Johor Darul Ta'zim mengalahkan Selangor PKNS 1-0.

Kesilapan pada barisan pertahanan mengundang padah pasukan Selangor PKNS apabila pemain pertahanan, Mohd Aminuddin Mohd Noor menjaringkan gol sendiri pada minit ketiga.

Sementara itu, dalam saingan Liga Perdana, pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) terus memperkukuhkan kedudukan di tangga teratas carta liga selepas mengalahkan SPA Putrajaya FC 3-0 di Stadium Hang Jebat, Melaka.

Pasukan yang terkenal dengan gelaran 'Sang

Saka Biru' itu membuka jaringan menerusi pemain import Chad Charles Souza seawal minit kelima.

Pemain tengah, Mohammad Munir Amran kemudian menggandakan jaringan bagi pasukan pelawat pada minit ke-15 sebelum Chad menjaringkan gol ketiga selang tiga minit kemudian.

Nasib berbeza menimpa pasukan Pulau Pinang yang menduduki tangga kedua liga apabila terpaksa akur dengan kekalahan 2-3 kepada Johor Darul Ta'zim II (JDT II) di Stadium Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

Gol pasukan JDT II dijaringkan oleh Braulio Nobrega Rodriguez (minit ke-45 dan 90) dan Shahril Ishak (minit ke-53), manakala gol Pulau Pinang disumbangkan oleh Beungo Andre (minit ke-55) dan Lee Gil Hoon (minit ke-65).

Pasukan tercorot, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBPP) mencatat kemenangan pertama selepas mengalahkan Sabah 1-0 di Stadium Bandaraya, Pulau Pinang.

Mohd Faiz Mohd Nasir menjadi wira pasukan apabila menjaringkan gol pada minit ke-18.

Lain-lain keputusan Felda United mengalahkan DRB-Hicom FC 3-2 di Stadium Majlis Perbandaran Selayang, Negeri Sembilan turut mengutip tiga mata selepas mengalahkan Perlis 2-0 di Stadium Tuanku Abdul Rahman Paroi, Seremban dan Kedah pula mencatat keputusan seri 1-1 ke atas UiTM FC di Stadium Darul Aman, Alor Setar. - Bernama

Headline	Sarawak sekat peluang Terengganu		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	13 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	29,826
Page No	11	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	542 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,792
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 8,376

